

08 FEB 2003

Aman-UiTM

AMAN MALAYSIA: UiTM KUTIP 100,000 TANDATANGAN TANDA SOKONGAN

SHAH ALAM, 8 Feb (Bernama) -- Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengutip 100,000 tandatangan dari warga kampusnya di seluruh negara bagi menyatakan sokongan menentang keganasan terhadap Palestin dan perang ke atas Iraq.

Kutipan tandatangan itu dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UiTM dengan kerjasama kumpulan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia).

Naib Canselor UiTM Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah berkata kempen tandatangan itu amat bermakna bagi golongan mahasiswa, yang merupakan bakal pemimpin di masa hadapan, untuk menjadikan mereka lebih prihatin dan berfikir dengan rasional mengenai perkembangan pentas antarabangsa.

"Kita mengadakan ceramah, pembentangan kertas kerja dan juga pameran khusus untuk memberi maklumat supaya mereka dapat berfikir dengan waras dan rasional.

"Generasi muda yang tidak faham dan tidak mengambil tahu dengan keadaan persekitarannya akan menyebabkan dunia menjadi gelap (dengan peperangan dan tidak aman) di masa depan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program sehari Jaulah (Jelajah) Keamanan Rakyat Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi Zon Tengah di kampus UiTM di sini hari ini.

Institusi Pengajian Tinggi lain yang menyertai Jaulah ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Industri Selangor (Unisel).

Sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan iaitu 'Palestin' oleh Dr Ibrahim, 'Sejarah Peperangan dan Keganasan Peran', oleh Penolong Naib Canselor UiTM Prof Madya Rahmat Mohamed, 'Weapon of Mass Destruction-Atomic, Biological dan Chemical' (Atom, Biologi dan Kimia-Senjata Pemusnah Menyeluruh) oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohamed Noh Dalimin.

Turut hadir ialah wakil sekretariat Aman Malaysia Dr Adham Baba.

Beliau berkata kira-kira 250,000 tandatangan dijangka dikutip dari seluruh warga kampus di negara ini dan semua resolusi hasil pembentangan kertas kerja akan diserahkan pada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil 23 Feb depan.

-- BERNAMA

SHS RON